

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis satu rumusan yang panjangnya hendaklah tidak melebihi 100 patah perkataan.

Kemalangan jalan raya kerap berlaku di negara kita. Kadar kemalangan meningkat setiap kali musim perayaan walaupun pelbagai kempen dan tindakan dijalankan oleh pihak berkuasa. Peningkatan jumlah kematian merupakan suatu kerugian yang melibatkan nyawa, harta benda, wang, tenaga manusia, dan masa. Memandangkan bilangan kematian terus meningkat, maka pelbagai usaha perlu diambil untuk mengatasi kemalangan jalan raya. Antara usahanya ialah **pengeluaran lesen memandu diperketat** demi membendung kejadian yang menyayat hati terutamanya pada musim perayaan.

Para pemandu perlu menjalani ujian kecekapan atau latihan memandu yang teliti sebelum diberi lesen bagi memastikan mereka mengamalkan gaya pemanduan yang positif. Antara penyebab peningkatan kadar kemalangan jalan raya termasuklah sikap pengguna yang cuai. Hal ini dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang menunjukkan bahawa 90 peratus daripada kes kemalangan jalan raya berlaku kerana kecuai pemandu. Dalam memastikan kemalangan sifar dicapai, **hukuman yang lebih tegas sebagai pengajaran terhadap pemandu perlu dikenakan. Pemandu-pemandu baru yang melakukan kesalahan dalam tempoh dua tahun pertama perlu dikenakan tindakan perlanjutan tempoh percubaan** sebelum mendapat lesen sepenuhnya.

Orang ramai masih belum belajar daripada kesilapan-kesilapan masa lalu, malah pengalaman pihak lain juga dipandang rendah. Seajar dengan itu, sudah tiba masanya **pihak berkuasa mengkaji secara mendalam aspek-aspek yang sesuai dalam sistem pembelajaran dan pendidikan pemanduan** di negara kita. Sistem pemanduan yang dikendalikan oleh pihak JPJ umpama sistem peperiksaan akademik yang diduduki oleh para pelajar. Sewajarnya, **elemen sivik dipupuk pada jiwa seseorang pelajar** sehingga amalan tersebut tersemai dengan mendalam dan menjadi amalan apabila dewasa nanti.

Di samping itu, menjadi tanggungjawab **ibu bapa, sekolah, dan masyarakat menyemai nilai-nilai murni** dalam usaha melahirkan generasi pemandu yang berhemah. **Penguatkuasaan undang-undang dan denda** yang dikenakan perlu diketatkan supaya mereka yang bersalah dihukum sewajarnya. Selain itu, **penetapan had laju di lebuh raya dan di jalan-jalan biasa** perlu dikekalkan kerana banyak kemalangan yang berlaku berpunca daripada kenderaan yang tidak dapat dikawal sebagai akibat dipandu terlalu laju. Para pengguna perlu disedarkan bahawa jalan raya bukanlah tempat untuk berlumba dan mereka perlulah memandu secara berhemah supaya tidak mengakibatkan nahas yang membabitkan orang lain.

Jelaslah bahawa banyak langkah yang boleh diambil oleh individu, masyarakat mahupun negara pelbagai pihak dalam mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Semua pihak perlu menggembelngkan tenaga secara lebih efektif untuk mengatasi kemelut ini, janganlah sudah terhantuk baru hendak tengadah kerana apabila sesuatu kecelakaan sudah berlaku, tiada guna menyesalnya lagi, kerana nasi sudah menjadi bubur. Tragedi kemalangan boleh berlaku kepada sesiapa sahaja dan bila-bila masa kerana malang tidak berbau.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada “Budayakan Hargai Nyawa” oleh G. Manimaran, Utusan Malaysia, Disember 2003)

Nama: _____ Kelas: _____

SERET JAWAPAN UNTUK MELENGKAPKAN RUMUSAN.

Petikan membincangkan _____ . Antaranya

ialah _____ . Selain itu,

_____ . Tambahan

pula, _____ . Selanjutnya,

Seterusnya, _____ .

Akhir sekali, _____ .

Kesimpulannya, _____

supaya _____ .

pemandu-pemandu baru yang melakukan kesalahan dalam tempoh dua tahun pertama dikenakan hukuman tempoh percubaan

hukuman tegas sebagai pengajaran terhadap pemandu perlu dikenakan

kadar kemalangan yang tinggi di jalan raya perlu dibendung

usaha-usaha mengatasi kemalangan jalan raya

sistem ujian pemanduan yang dikenakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan perlu dikaji semula

pengeluaran lesen memandu diketatkan

elemen sivik perlu dipupuk dalam jiwa pemandu

para pemandu perlu menjalani ujian kecekapan atau latihan memandu sebelum diberi lesen

jalan raya menjadi tempat yang selamat untuk semua pengguna.